

# UMS Tuan Rumah Bengkel Penubuhan dan Pelaksanaan Kesatuan Pelajar IPT Sabah

Terakhir dikemaskini: Selasa, 14 Mei 2019 13:56 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 209

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



SELASA, 14 MEI - Universiti Malaysia Sabah (UMS) hari ini menjadi tuan rumah Bengkel Penubuhan dan Pelaksanaan Kesatuan Pelajar di Institut Pengajian Tinggi (IPT) Zon Sabah 2019.

Bengkel sehari itu

bertujuan membincangkan isu-isu berkaitan kesatuan pelajar seperti penglibatan dalam sistem pengurusan institusi, objektif serta fungsi penubuhan kesatuan pelajar.

Menurut Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS Kamisah Husin, sebanyak tiga mesyuarat berkaitan penubuhan dan pelaksanaan kesatuan pelajar telah diadakan sepanjang tahun 2018.

“Mesyuarat terakhir telah diadakan pada bulan November yang lalu. Kita berharap bengkel hari ini dapat memberi rumusan serta menjadi penanda aras kepada perbincangan berkaitan hal-hal kesatuan pelajar IPT,” ujarnya.

Sebanyak 21 IPT di Sabah dengan jumlah peserta seramai 40 orang menyertai bengkel tersebut yang terbahagi kepada dua sesi iaitu perbincangan dalam kumpulan dan pembentangan rumusan.

Hasil daripada dapatan tersebut akan diserahkan kepada Pengarah Pembangunan Mahasiswa, Jabatan Pendidikan Tinggi, Dr. Zaid Omar.